

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.¹

¹ **Kenapa Bukhari memulakan kitabnya hanya dengan Basmalah (membaca / menulis بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ)?** Teknik penulisan Imam Bukhari sangat berbeza daripada teknik penulis-penulis lain yang semasa dengan beliau atau yang mendahului beliau. Kerana setiap kali memulakan sesebuah penulisan biasanya mereka akan menjelaskan terlebih dahulu tujuan dan objektif kitab-kitab mereka di dalam muqaddimah atau prakata kitab masing-masing. Paling tidak mereka akan mendahului isi kandungan kitab masing-masing dengan Basmalah (menulis بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ), Hamdalah (الحمد لله), Selawat dan Tasyahhud (ucapan لا إله إلا الله dan seterusnya). Tindakan Imam Bukhari yang hanya memulakan kitabnya dengan Basmalah (menulis atau membaca بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) seolah-olahnya menunjukkan beliau tidak mahu terikat dengan teknik penulis-penulis lain. Ini sebenarnya menyerlahkan lagi perbezaan dan keunikan kitab beliau berbanding kitab-kitab yang lain. Bagaimanapun tindakan beliau tersebut telah menimbulkan kontroversi, kerana ia kelihatan menyimpang daripada kehendak hadits. Memang terdapat beberapa hadits yang menyebutkan kepentingan memulakan sesuatu ucapan atau perbuatan yang penting dengan memuji Allah s.w.t. terlebih dahulu, antaranya ialah: (1) **كل أمر ذي بال لا يبدأ فيه بالحمد لله فهو أقطع** (1) Bermaksud: "Segala perkara penting yang tidak dimulakan dengan pujian kepada Allah adalah terputus (daripada mendapat keberkatan)." (Hadits riwayat Abu Daud, Nasaa'i, Ibnu Majah, Ibnu Hibban dan Baihaqi). Nawawi dan Munawi mengatakan hadits ini hasan. (2) **كُلُّ كَلَامٍ لَا يَبْدَأُ فِيهِ بِالْحَمْدِ** (2) Bermaksud: "Setiap ucapan yang tidak dimulakan dengan pujian kepada Allah adalah terputus (daripada mendapat keberkatan)." (Hadits riwayat Abu Daud [dan ini adalah lafaznya], Ibnu Majah, Nasaa'i di dalam kitabnya *عمل اليوم والليلة*, Abu 'Awanah di awal Mustahrajnya ke atas Sahih Muslim, Ibnu Hibban, Daraquthni dan lain-lain). Ibnu as-Shalah, Nawawi, 'Iraqi dan Hafiz Ibnu Hajar mengatakan hadits ini hasan. **Berkenaan dengan kepentingan Tasyahhud** pula, pernah pada suatu ketika Nabi s.a.w. menegur seorang sahabat yang memulakan ucapan khutbahnya tanpa bertasyahhud terlebih dahulu dengan kata Baginda s.a.w.: **كل خطبة ليس فيها تشهد** Bermaksud: "Setiap khutbah yang tidak ada Tasyahhud di dalamnya adalah seperti tangan yang berpenyakit kusta." (Hadits riwayat Abu Daud, Tirmizi, Ahmad dan Baihaqi). Tirmizi mengatakan hadits ini hasan, sahih, gharib. Demikianlah keputusan Tirmizi mengikut nuskah yang ditahqiq oleh Syeikh Ahmad Muhammad Syakir dan Syeikh Muhammad Fu'ad 'Abdul Baqi. Adapun mengikut nuskah yang dicetak bersama Tuhfatu al-Ahwazi, maka di dalamnya hanya tersebut hadits ini hasan, gharib. **Tentang kepentingan dan peri mustahaknya bershalawat** pada ketika memulakan sesuatu perkara penting juga dianjurkan oleh Nabi s.a.w. di dalam beberapa sabdanya seperti berikut: **كل أمر ذي بال لا يبدأ فيه بحمد الله والصلاة على فهو أقطع أبتر** Bermaksud: "Semua perkara penting yang tidak dimulakan dengan pujian kepada Allah dan shalawat kepadaku adalah terputus, kudung dan terhapus daripada segala keberkatan." (Hadits riwayat Ad-Dailami di dalam Musnad al-Firdausnya dan 'Abdul Qadir Ar-Ruhawi di dalam Arba'innya daripada Abi Hurairah. Demikian tersebut di dalam al-Jami'u al-

Kabir karangan as-Suyuthi). Ibnu Mandah menukilkan hadits ini di dalam Fadha'ilnya dengan lafaz berikut: كل كلام لا يذكر الله فيه فيبدأ به ويصلى على فيه فهو أقطع أكتع محقق من كل بركة. Bermaksud: "Setiap ucapan yang tidak disebut (nama) Allah di permulaannya dan tidak pula aku dishalawati adalah terputus, cacat dan terhapus daripada segala keberkatan." (Demikian tersebut di dalam al-Jami'u al-Kabir karangan as-Suyuthi dan Kanzu al-'Ummal karangan 'Al al-Muttaqi al-Hindi). Ironinya sebagai seorang tokoh hadits yang paling agung, sudah tentu sekali hadits-hadits seumpama itu tidak terlepas daripada pengetahuan beliau. Apa lagi al-Qur'an sendiri memulakan ayat pertamanya di dalam Surah al-Fatihah selaku surah pembuka dengan Hamdalah (ucapan الحمد لله) selepas Basmalah (ucapan بسم الله الرحمن الرحيم). Persoalannya sekarang ialah bukan sahaja Imam Bukhari telah melencong daripada kebiasaan pengarang-pengarang lain, malah beliau juga telah meninggalkan method al-Qur'an dalam pembukaan bicara. Bagaimanapun apa yang dibuat oleh Imam Bukhari itu pada pandangan para 'ulama', pasti menyimpan maksud dan tujuannya yang tersendiri. Antara andaian dan pendapat para 'ulama' pengkaji Sahih Bukhari tentang faktor di sebalik tindakan beliau meninggalkan Hamdalah, Tasyahhud dan Shalawat selepas Basmalah di permulaan kitabnya ialah: (1) Beliau ingin mengisyratkan bahawa hadits-hadits yang menyarankan kita supaya memulakan sesuatu ucapan atau tindakan dengan Hamdalah dan Tasyahhud adalah tidak menepati syarat beliau. Inilah pendapat Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalaani r.a. Di dalam Fathul Baarinya beliau menulis: (أى حديث الحمد والشهادة) ليسا على شرطه. Bermaksud: "Jawapannya ialah kedua-dua hadits itu tidak menepati syarat beliau. Bahkan kedua-duanya bermasalah." Justeru sanad-sanadnya dipertikaikan walaupun hadits-hadits itu dianggap sahih atau hasan oleh ramai tokoh 'ulama' yang lain. Di dalam sanad hadits pertama misalnya, terdapat seorang perawi bernama Qurrah Bin 'Abdur Rahman. Imam Bukhari tidak mengambil satu pun riwayat daripadanya tetapi Imam Muslim mengambil hadits-haditsnya dalam Syawahid dan mutaba'at sahaja. Bagaimanapun Imam Nasaa'i, Abu Daud, Tirmizi dan Ibnu Majah mengemukakan juga riwayat-riwayatnya sebagai riwayat-riwayat usul mereka. Selain itu perawi-perawi hadits ini berbeza-beza dalam meriwayatkannya. Ada yang meriwayatkannya secara mursal dan ada pula meriwayatkannya secara maushul. Qurrah meriwayatkannya secara maushul sementara Yunus, 'Uqail, Syu'aib dan Sa'id bin 'Abdul 'Aziz pula meriwayatkannya secara mursal. Imam Daraqutni berkata: والمرسل هو الصواب (yang mursal itulah yang betul). Di dalam sanad riwayat kedua ada 'Aashim Bin Kulaib. Imam Muslim dan pengarang-pengarang kitab-kitab hadits besar yang lain mengambil riwayat daripadanya tetapi Imam Bukhari langsung tidak mengambil apa-apa riwayat daripadanya. Di dalam sanad hadits ketiga ada Ismail Bin Abi Ziad as-Syami. Hafiz 'Abdul Qadir Ar-Ruhawi berkata: غريب تفرد بذكر الصلاة فيه إسماعيل بن أبي زياد الشامي وهو ضعيف لا يعتد بروايته ولا بزيادته. Bermaksud: Hadits ini gharib (dha'if). Hanya Ismail Bin Abi Ziad as-Syami menyebutkan shalawat di dalamnya, sedangkan dia seorang dha'if yang tidak boleh dipakai riwayatnya dan tidak boleh juga diambil kira tambahan (yang tersebut di dalam riwayatnya). (2) Beliau juga bermaksud mengisyratkan kepada hadits-hadits yang akan dikemukakan di dalam Sahihnya nanti bertaraf lebih tinggi daripada semua hadits-hadits itu. Tetapi ada pihak membantah alasan di atas tadi dengan berkata bahawa ia tidak kuat kerana beberapa sebab. **Pertama:** Imam Bukhari beriltizam sebelum memasukkan sesuatu hadits ke dalam Sahihnya beliau akan mandi, bersembahyang dua raka'at dan beristikharah terlebih dahulu. Padahal apa yang diiltizamnya itu tidak ada tersebut langsung di dalam mana-mana hadits. Adapun memulakan sesuatu pekerjaan penting dengan basmalah, hamdalah dan

sebagainya tetap ada hadits-haditsnya meskipun dha'if. **Kedua:** Kelemahan Qurrah boleh hilang dengan adanya beberapa orang perawi lain sebagai mutabi'nya seperti telah disebutkan sebelum ini. **Ketiga:** Hadits-hadits di atas hanyalah hadits-hadits fadha'il. Untuk mengamalkan apa yang terkandung di dalamnya tidaklah memerlukan kekuatan sanad seperti mana yang diperlukan untuk hadits-hadits hukum. **Keempat:** Muhadditsu al-'Ashr as-Syeikh Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri telah mengemukakan empat piawaian untuk hadits sahih iaitu: (a) Sesuatu hadits yang diriwayatkan oleh orang yang cukup cermat (dalam periwayatannya), sempurna (pula) ke'adilannya dengan sanad yang tidak terputus di samping tidak terdapat di dalamnya keganjilan dan kecacatan (ما رواه تام الضبط كامل العدالة باتصال السند ولا يكون فيه الشذوذ والعلّة). (b) Sesuatu hadits yang telah ditashihkan oleh Muhaddits yang mahir. (c) Sesuatu hadits yang telah dikemukakan oleh seseorang pengarang mu'tabar yang telah beriltizam untuk hanya mengemukakan hadits-hadits sahih sahaja di dalam kitabnya. (d) Sesuatu hadits yang diterima pakai oleh mana-mana imam mazahib, dan perawi-perawinya pula tidak majruh. Jika di dalam sanadnya terdapat juga seseorang perawi yang majruh atau lemah maka kelemahannya telah ditampung oleh mutabi'-mutabi'nya. Sekarang kalau anda melihat kepada hadits-hadits yang sedang kita bicarakan ini, anda akan mendapati ada padanya ketiga-tiga piawaian **(b)**, **(c)** dan **(d)** yang telah disebutkan oleh Maulana Anwar Syah Kashmiri itu. Ini kerana Ibnu as-Shalah, an-Nawawi, al-'Iraqi, as-Subki dan lain-lain 'ulama' hadits mengatakan hadits ini sahih atau hasan. Pengarang-pengarang mu'tabar seperti Abu 'Awanah, Ibnu Hibban dan lain-lain yang telah beriltizam untuk hanya mengemukakan hadits-hadits sahih sahaja di dalam kitab-kitab mereka juga telah mengemukakan hadits-hadits ini di dalam kitab-kitab mereka. Selain itu perawi-perawinya juga mempunyai mutabi' seperti telah sama-sama kita lihat di atas. (2) Mungkin juga hadits-hadits Hamdalah, Tasyahhud dan Shalawat tidak sampai kepada Imam Bukhari menyebabkan beliau tidak mengetahui tentangnya. Tetapi andaian itu tidak munasabah sama sekali untuk orang yang handal seperti Imam Bukhari dalam bidang hadits. (3) Imam Bukhari sebenarnya telah menulis kesemua ucapan tersebut tadi di dalam kitabnya. Tetapi oleh kerana percetakan masih belum ada di zaman beliau maka penerbitan kitab-kitab yang baharu hanya melalui proses penyalinan dengan tulisan tangan sahaja. Lalu semasa proses tersebut ucapan pendahuluan beliau yang lengkap berkemungkinan telah tercicir daripada catitan. 'Allamah al-'Aini berkenan dengan jawapan ini dan beliau menulis bahawa saya pernah mendengar pendapat ini daripada beberapa orang guru yang hebat. Namun alasan tersebut disangkal keras oleh para 'ulama'. Mereka menganggapnya sebagai suatu alasan yang tidak munasabah. Kerana kalaulah da'waan sedemikian benar, kenapakah dalam sekian banyak nuskah kitab beliau tidak terdapat sebuah nuskahpun yang mengandungi ucapan-ucapan tadi? Apatah lagi untuk mengandaikan keciciran tersebut berlaku di awal proses penyalinan! Selain itu jika dilihat kepada kitab-kitab Imam Bukhari yang lain seperti al-Adabu al-Mufrad, Khalqu Af'aali al-'Ibaad, Juz'u Raf'i al-Yadain, Juz'u al-Qira'ah Khalfa al-Imam, at-Tarikhu al-Kabir, at-Tarikhu as-Shaghir dan lain-lain, anda juga tidak akan menemui Hamdalah di awalnya. Dari situ dapat disimpulkan bahawa Imam Bukhari memang dengan sengaja telah tidak menuliskannya di dalam kitab Sahih al-Bukhari seperti apa yang dilakukannya di dalam kitab-kitabnya yang lain. Beliau sebenarnya mengikut method penulisan 'ulama' mutaqaddimin, dimana mereka memulakan penulisan hanya dengan tasmiah (menuliskan Bismillah) sahaja. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas pada tulisan guru-guru atau guru-guru kepada guru-guru beliau dan juga pada tulisan 'ulama' yang sebaya atau

sezaman dengannya seperti Imam Malik, `Abdur Razzaq, Ibnu Abi Syaibah, Imam Ahmad, Humaidi, Darimi, Abu Daud dan lain-lain. (4) Imam Bukhari tidak menyertakan Hamdalah, Tasyahhud dan lain-lain ialah kerana maksud pujian dan penyaksian sebagaimana yang disebutkan di dalam hadits-hadits mengenainya sudahpun terkandung di dalam ucapan Basmalah. Dalam erti kata yang lain beliau ingin menerangkan bahawa apabila seseorang itu ingin melakukan sesuatu yang penting, setidak-tidaknya atau paling kurang dia hendaklah memulakannya dengan Basmalah terlebih dahulu. Kerana ucapan paling lengkap yang merangkumi pujian, penyaksian (shahadah) mahupun keberkatan sudahpun terdapat di dalam ucapan 'بسم الله الرحمن الرحيم'. Di dalamnya sudah ada pujian iaitu 'Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang', dan ma'na Tasyahhud iaitu pengakuan ketuhanan Allah s.w.t. Justeru ungkapan yang paling ringkas dalam memulakan sesuatu pekerjaan yang penting ialah 'Basmalah', kerana ia merangkumi kesemua ma'na dan maksud yang dituntut melalui Hamdalah dan Tasyahhud. (5) Maksud 'tidak dimulai dengan...' sebagaimana yang terdapat di dalam hadits-hadits tersebut ialah tidak dimulai dengan menyebut atau membacanya, bukannya menulis. Jadi apabila Imam Bukhari tidak menulisnya, maka ini tidak bererti beliau juga tidak mengucapkannya. Seperti sedia dima'lumi bahawa di sepanjang proses mengarang kitabnya, Imam Bukhari akan memastikan dirinya berada dalam keadaan berwudhu' dan setiap kali ingin mencatat sesebuah hadits beliau akan menunaikan dua raka'at sembahyang terlebih dahulu. Inikan pula untuk mengucapkan puji-pujian terhadap Allah yang pelaksanaannya tentulah tidak lebih sukar daripada syarat-syarat dan komitmen yang beliau wajibkan ke atas dirinya dengan perkara-perkara tersebut tadi. Khathib Baghdadi menulis di dalam kitabnya al-Jami' tentang Imam Ahmad bahawa beliau tidak menulis shalawat tetapi membacanya. Begitulah kebiasaan penulis-penulis dari kalangan Salaf, mereka bershalawat ketika mencatat sesuatu hadits tetapi tidak menulisnya. (6) Ada juga 'ulama' berpendapat bahawa Imam Bukhari sebenarnya ingin mengarang kitab Sahihnya dengan berpandukan kaedah-kaedah penulisan surat-surat Nabi s.a.w.. Kerana surat-surat Baginda s.a.w. yang diutuskan dalam misi da'wah Baginda hanya dimulakan dengan tulisan Basmalah sahaja. (7) Sebahagian 'ulama' mengatakan bahawa Imam Bukhari ingin menyahut seruan pertama al-Qur'an. Lantaran Allah s.w.t. telah berfirman di dalam wahyu pertamaNya: 'اقْرَأْ بِسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ' "Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah mencipta", maka untuk menterjemahkan seruan tersebut beliau telah memulakan penulisannya dengan Basmalah. Dan dalam masa yang sama Basmalah juga digunakan oleh beliau untuk mentafsirkan maksud "Tuhanmu" di dalam ayat tersebut, iaitu Allah yang bersifat dengan 'Maha Pengasih lagi Maha Penyayang'. Selain itu Allah telah memerintahkan supaya Nabi kita memulakan bacaan wahyuNya dengan menyebut namaNya. Bukankah hadits-hadits Baginda s.a.w. juga merupakan wahyu? Maka adalah wajar sekali jika Imam Bukhari memulakan kitab shahihnya dengan menulis 'بسم الله الرحمن الرحيم' bukan dengan lain-lain ucapan. Mengkhususkan permulaan kitab dengan basmalah tanpa disusuli dengan khutbah bukan sahaja telah dipilih oleh Imam Bukhari, malah ia menjadi pilihan 'ulama'-'ulama' hadits yang lain seperti Imam Malik di dalam Muatthanya, Imam Abu Daud dan Imam Tirmizi di dalam kitab Sunan mereka masing-masing. (8) Maksud perintah Nabi s.a.w. supaya seseorang memuji Allah ketika memulakan sesuatu pekerjaan penting ialah mengingatiNya. Kerana tanpa mengingati Allah pekerjaan yang dilakukan itu tidak sempurna dengan erti tiada keberkatannya. Dalilnya ialah hadits ini telah diriwayatkan dengan tiga lafaz yang berbeza. Padahal perawi yang merupakan madar (paksi atau

punca) bagi hadits ini ialah Qurrah Bin `Abdir Rahman. Di dalam riwayat pertama beliau, lafaz hadits ini berbunyi: كل أمر ذي بال لا يبدأ فيه بالحمد أقطع Bermaksud: Segala perkara penting yang tidak dimulakan dengan pujian (kepada Allah) adalah terputus (tidak ada keberkatannya). (Hadits riwayat Ibnu Majah). Lafaz riwayat keduanya berbunyi: كل أمر ذي بال لا يبدأ فيه بسم الله الرحمن الرحيم أقطع Bermaksud: Segala perkara penting yang tidak dimulakan dengan بسم الله الرحمن الرحيم adalah terputus (tidak ada keberkatannya). (Lihat al-Jami`u al-Kabir oleh as-Suyuthi j.1 m/s 623). Lafaz riwayat ketiganya pula berbunyi begini: كل أمر ذي بال لا يبدأ فيه بذكر الله أقطع Bermaksud: Segala perkara penting yang tidak dimulakan dengan menyebut atau mengingati Allah adalah terputus (tidak ada keberkatannya). (Ad-Daraquthni-Sunan Ad-Daraquthni j.1 m/s 229). Ketiga-tiga hadits di atas sebenarnya membawa maksud yang sama iaitu mengingati Allah pada ketika memulakan sesuatu pekerjaan penting, dan ini dapat dicapai dengan membaca atau menuliskan بسم الله الرحمن الرحيم. Ini ialah pendapat pilihan Imam an-Nawawi. **Bagaimana pun jawapan ini** tetap menimbulkan kemusykilan iaitu memang benar lafaz hadits-hadits Qurrah itu berbeza tetapi yang paling kemas dan kuat di antaranya ialah riwayat yang menganjurkan Hamdalah (memuji Allah ketika melakukan sesuatu perkara penting). Jawapannya ialah pujian atau al-hamd yang tersebut di dalam riwayat-riwayat yang menganjurkan supaya seseorang memuji Allah ketika mahu melakukan sesuatu perkara penting itu tetap boleh dipakai dalam ertinya yang `umum, merangkumi Basmalah dan Hamdalah kedua-duanya sekali. Kerana itulah kita menyaksikan kebanyakan `amalan-`amalan syara` tidak dimulakan dengan Hamdalah misalnya sembahyang dimulakan dengan Takbir bukan dengan Hamdalah. Demikian juga dengan haji dan lain-lain. Selain itu lafaz riwayat-riwayat hamd juga berbeza-beza. Ada dengan lafaz بحمد الله. Ada juga dengan lafaz بالحمد dan yang lain pula dengan lafaz بالحمد لله yang mana kesemuanya membawa ma`na yang sama iaitu pujian dalam ertinya yang mutlaq, merangkumi segala bentuk ذكر الله (mengingati Allah). (9) Imam Bukhari memulakan kitabnya dengan بسم الله الرحمن الرحيم tidak kerana lain melainkan kerana mengikut Sunnah Nabi s.a.w. semata-mata. Baginda s.a.w. telah memerintahkan supaya surat perjanjian damai di Hudaibiah ditulis bermula dengan بسم الله الرحمن الرحيم (10) Jawapan ke sepuluh ialah hadits-hadits yang menganjurkan hamdalah dan lain-lain di permulaan sesuatu pekerjaan penting sebenarnya berkaitan dengan khutbah atau ucapan bukan dengan tulisan atau kitab. Ini kerana sudah menjadi tradisi di kalangan orang-orang `Arab bahawa apabila mereka mahu memberikan sesuatu ucapan, mereka akan memulakannya dengan sya`ir-sya`ir. Rasulullah s.a.w. tidak merestui tradisi tersebut lalu Baginda s.a.w. menukarnya dengan anjuran-anjuran Baginda supaya berhamdalah dan lain-lain. **Berhubung dengan sesebuah kitab** yang mengandungi sya`ir sepenuhnya adakah harus di mulakan dengan basmalah atau tidak, para `ulama` berbeza pendapat tentangnya. Imam Sya`bi melarangnya, sementara Sa`id Bin Jubair pula membenarkannya. Kebanyakan `ulama` bersetuju dengan pendapat Sa`id Bin Jubair. Bagaimanapun para `ulama` yang membenarkan menulis basmalah di permulaan kitab sya`ir tetap mensyaratkan sya`ir-sya`ir yang terkandung di dalamnya itu hendaklah yang mengandungi pengajaran dan tidak pula bercanggah dengan syari`at Islam. (11) Hadits-hadits yang menyuruh supaya berhamdalah sebelum melakukan sesuatu pekerjaan penting itu telah mansukh dengan peristiwa yang berlaku di hari Hudaibiah. Tetapi pendapat ini tidak benar kerana untuk mengatakan hadits-hadits itu sudah mansukh semestinya kita mengetahui ianya telah disebutkan sebelum peristiwa Hudaibiah. Selagi anda tidak dapat memastikan perkara ini, anda tidak harus mengatakan ia telah dimansukhkan. Begitulah qaedah nasakh. Di samping itu penyelesaian

hadits-hadits atau dalil-dalil yang kelihatan bertentangan dengan qaedah nasakh hanya dipakai apabila ia tidak dapat dijama' lagi. Demikianlah pendapat kebanyakan 'ulama' iaitu selagi hadits-hadits atau dalil-dalil yang kelihatan bertentangan masih boleh dijama', tidaklah seharusnya dipakai qaedah nasakh. Daripada sekian banyak jawapan yang diberikan di atas nampaknya jawapan yang agak baik dan lebih munasabah ialah yang tersebut pada no: (4), (5) dan (8). والله أعلم. بالصواب. **Perbincangan Tentang Basmalah** (بسم الله الرحمن الرحيم). Huruf (Ba') di permulaan perkataan اسم adalah haraf Jar. Ia memunyai empat belas ma'na. Ma'na haqiqinya ialah الصاق. Bagaimanapun Pemakaian haraf Ba' di sini mengikut Zamakhsyari adalah dengan ma'na مصاحبة. Baidhawi pula memakainya dengan ma'na استعانة. 'Ulama' Nahu Bashriyyin mengatakan Muta'allaqnya ialah Isim iaitu ابتدائي kerana jumlah ismiyyah menunjukkan ketetapan dan kesentiasaan (دوام). Ertinya ialah keadaanku membaca basmalah untuk mengambil berkat daripadanya pada setiap kali memulakan sesuatu pekerjaan adalah tetap dan sentiasa. Tetapi 'ulama' Nahu Kufiyyin pula berpendapat Muta'allaqnya adalah Fi'il iaitu ابتدئ. Ini kerana jumlah fi'liyyah memberi erti tajaddud. Ertinya aku setiap kali mahu melakukan sesuatu akan membaca basmalah untuk mengambil berkat daripadanya. Para 'ulama' Nahu juga berbeza pendapat tentang Muta'allaqnya itu sama ada Muqaddam atau Mu'akkhar, 'umum atau khusus. Zamakhsyari berpendapat bahawa Muta'allaqnya patut ditaqdirkan dalam bentuk fi'il khusus yang mu'akkhar (diletakkan selepas menyebutkan basmalah) iaitu mengikut perbuatan khusus yang hendak dilakukan seseorang misalnya membaca, perlu ditaqdirkan اقرأ, menulis pula perlu ditaqdirkan اكتب dan begitulah seterusnya. Kalau tidak niscaya kalam kitalah yang akan disebut dahulu bukan kalam Allah بسم الله الرحمن الرحيم. Demikian juga ia akan khusus dengan permulaan sahaja jika ditaqdirkan dengan ابتدائي atau ابتدئ. Sedangkan keberkatan yang dikehendaki bukan sahaja pada permulaan pekerjaan malah meliputi pertengahan dan kesudahan sesuatu pekerjaan yang dilakukan. Jadi dalam konteks perbincangan kita sekarang muta'allaqnya ialah اكتب yang terletak selepas بسم الله الرحمن الرحيم. Inilah pendapat yang terbaik meskipun di sana terdapat juga pendapat lain yang mengatakan muta'allaqnya dalam bentuk perkataan yang mengandungi ma'na 'umumlah yang lebih baik. **Perbincangan Tentang Perkataan الله**. Para 'ulama' berbeza pendapat tentang perkataan الله. Adakah ia berasal daripada bahasa 'Arab atau berpunca daripada bahasa 'Ibrani atau Siryani. Mengikut para 'ulama' yang mengatakan ia berasal daripada bahasa 'Arab, mereka berselisih pendapat pula tentang sama ada ia 'alam atau sifat. Bagi mereka yang berpendapat ia 'alam, mereka berbeza pendapat lagi tentang ia musytaq atau tidak. Kemudian 'alam itu mengikut wadha'kah atau ghalabah. Mereka terus berbeza pendapat. Abu Zaid al-Balkhi berkata: "Perkataan الله berasal daripada bahasa 'Ibrani atau Siryani. Tetapi yang sebetulnya perkataan ini adalah Isim 'Alam Murtajal daripada bahasa 'Arab. Inilah pendapat Imam Abu Hanifah, Syafi'e, Imam Muhammad (murid Imam Abu Hanifah), Khalil Bin Ahmad, Sibawaih, Zajjaj, Ibnu Kaisan, Halimi, Ghazzali, Khatthabi dan lain-lain. Selain itu perkataan الله dilihat dari sudut penggunaannya dalam bahasa 'Arab mempunyai beberapa ciri dan kekhususan tersendiri. Antara lainnya adalah seperti berikut: (1) Ia boleh menjadi Mudhaf Ilaih tetapi tidak boleh dijadikan Mudhaf kepada apa-apa. (2) Nama ini khusus denganNya. Tidak ada sesiapa pun pernah diberi nama ini atau ia memakai nama ini untuk dirinya. (3) "Ya" haraf Nida' boleh digantikan dengan "Mim musyaddadah" di hujungnya. (4) اللهم يا الله boleh ditukarkan dengan يا الله. (5) Hamzah pada perkataan الله adalah Hamzah washal tetapi ketika kita menyebut يا الله, kita menggunakannya sebagai Hamzah qatha' bukan sebagai Hamzah washal. (6) "Ya" haraf Nida'